



KERAJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Kementerian Kewangan

April 2016

**Dikelilingkan kepada
Semua Pengarah Ibu Pejabat
Semua Pengarah Kastam Negeri
Pengarah AKMAL
Pemungut Cukai Kastam Persekutuan, Singapura**



KANDUNGAN		HALAMAN
PERKARA 1.0	TUJUAN	3
PERKARA 2.0	LATAR BELAKANG	3
PERKARA 3.0	OBJEKTIF	3
PERKARA 4.0	SKOP	4
PERKARA 5.0	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	5-6
PERKARA 6.0	PENUTUP	6
PERKARA 7.0	RUJUKAN	6

CETAKAN	VERSI	TARIKH	HALAMAN
PERTAMA	VERSI 1.0	APRIL 2016	ms 2 dari 6



GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN APLIKASI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

1.0 TUJUAN

Menyediakan garis panduan sebagai rujukan bagi pengurusan dan pembangunan aplikasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

2.0 LATAR BELAKANG

Sistem aplikasi di JKDM adalah diperlukan bagi membantu melancarkan operasi kerja harian jabatan. Pengurusan pembangunan sistem yang cekap akan membantu kelancaran pelaksanaan sistem tersebut, di samping itu dapat mengurangkan isu-isu dalam pelaksanaan dan penyelenggaraan serta tahap penerimaan yang tinggi oleh pengguna.

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah mendapati sejumlah 73 sistem telah dibangunkan oleh bahagian dan stesen secara dalaman dan *out-source*. Hasil kajian menunjukkan 71% sistem tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Kegagalan ini adalah antara lain berpunca daripada kelemahan perancangan, pelaksanaan, penyelenggaraan dan pemantauan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk:

- i. Menenalpasti tanggungjawab dan peranan dalam pengurusan pembangunan aplikasi; dan
- ii. Menyatakan keperluan dalam pembangunan dan pelaksanaan aplikasi.

CETAKAN	VERSI	TARIKH	HALAMAN
PERTAMA	VERSI 1.0	APRIL 2016	ms 3 dari 6



4.0 SKOP

Skop garis panduan ini terpakai kepada semua Bahagian/Cawangan/Stesen JKDM yang memerlukan untuk membangun, melaksana dan mengurus sistem aplikasi secara dalaman atau *out-source* diselaraskan dengan Dasar ICT Kerajaan.

5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab dalam pengurusan pembangunan dan pelaksanaan aplikasi terbahagi kepada dua (2) iaitu Pasukan Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi serta Pemilik Sistem.

5.1 Pasukan Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi

Setiap aplikasi yang akan dibangun perlu mewujudkan Pasukan Pembangunan Aplikasi. Pasukan ini diurussetiakan oleh pemilik aplikasi dan ahli-ahlinya yang dilantik dengan persetujuan Ketua Bahagian/Cawangan/Stesen. Berikut adalah peranan dan tanggungjawab di dalam tadbir urus;

- i. Bertanggungjawab menentukan hala tuju dan fungsi aplikasi;
- ii. Membuat keputusan isu-isu berbangkit semasa pembangunan dan pelaksanaan aplikasi;
- iii. Pengurusan dan pemantauan prestasi aplikasi;
- iv. Bekerjasama dengan pemilik sistem dalam penyediaan analisis keperluan pembangunan aplikasi;
- v. Membangunkan aplikasi mengikut keperluan pengguna;
- vi. Menyediakan dokumentasi yang lengkap dan terkini dengan kerjasama pemilik sistem:
 - a. Kajian Keperluan Pengguna (*User Requirement Specification*);
 - b. Spesifikasi Rekabentuk Aplikasi (*System Design Specification*);

CETAKAN	VERSI	TARIKH	HALAMAN
PERTAMA	VERSI 1.0	APRIL 2016	ms 4 dari 6



- c. Mendokumenkan kod pengaturcaraan (*source code*);
- d. Manual pengguna bagi pentadbir aplikasi dan pengguna akhir;
- e. Skrip pengujian bagi pentadbir aplikasi dan pengguna akhir;
- f. Mendokumenkan sebarang penambahbaikan atau pindaan di dalam aplikasi;
- vii. Melaksanakan pengujian aplikasi dan rangkaian;
- viii. Merangka dan melaksanakan sesi latihan bagi pengguna akhir dan pentadbir aplikasi;
- ix. Terlibat dalam *Change Management Awareness* bersama pemilik sistem;
- x. Menyediakan pelaporan maklumbalas mengenai pembangunan dan penggunaan aplikasi; dan
- xi. Terlibat dalam penyelenggaraan dan penambahbaikan aplikasi.

5.2 Pemilik sistem

Pemilik sistem adalah merujuk kepada pihak yang mempunyai hak ke atas aplikasi yang dibangunkan. Berikut adalah peranan dan tanggungjawab sebagai pemilik sistem;

- i. Mendapat sokongan dan kelulusan Ketua Bahagian/Cawangan/Stesen/Pengarah Kastam Negeri;
- ii. Mendapat kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JKDM;
- iii. Memastikan terdapat peruntukan yang mencukupi jika berkaitan;
- iv. Bertanggungjawab sepenuhnya (*ownership*) ke atas pengoperasian aplikasi;
- v. Mengkaji analisis keperluan pembangunan aplikasi;
- vi. Memastikan proses kerja dalam pembangunan aplikasi adalah mengikut keperluan pengguna;
- vii. Memastikan semua dokumentasi lengkap (contoh: dokumentasi kajian keperluan pengguna, spesifikasi rekabentuk sistem, manual pengguna);

CETAKAN	VERSI	TARIKH	HALAMAN
PERTAMA	VERSI 1.0	APRIL 2016	ms 5 dari 6



- viii. Melaksanakan pengujian dan pengesahan penerimaan aplikasi yang dibangunkan;
- ix. Mengikuti sesi latihan;
- x. Mengkaji keperluan integrasi dengan sistem lain;
- xi. Terlibat dalam *Change Management Awareness*; dan
- xii. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang perubahan proses kerja di dalam aplikasi.

6.0 PENUTUP

Garis panduan ini hendaklah dirujuk dalam pengurusan pembangunan aplikasi di JKDM serta mematuhi pekeliling-pekeliling kerajaan yang sedia ada yang berkaitan dari masa ke semasa.

7.0 SENARAI RUJUKAN

- i. Dasar Keselamatan ICT Jabatan
- ii. Dasar *Data Dictionary* Sektor Awam MAMPU
- iii. Pekeliling Am Bil 2 Tahun 2006 MAMPU – Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan
- iv. Garis Panduan IT *OutSourcing* Agensi-Agensi Sektor Awam MAMPU

CETAKAN	VERSI	TARIKH	HALAMAN
PERTAMA	VERSI 1.0	APRIL 2016	ms 6 dari 6